

## MENJAWAB KEKELIRUAN MERNISSI DALAM MEMAHAMI FIQH HADIS: HADIS KEPIMPINAN WANITA

Mohd Norzi bin Nasir  
Pensyarah, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.  
[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)

Mohd Asri bin Ishak  
Pensyarah, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS  
[mohdasri@kuis.edu.my](mailto:mohdasri@kuis.edu.my)

Zaidul Amin Suffian Ahmad  
Pensyarah Jabatan al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.  
[zaidulamin@kuis.edu.my](mailto:zaidulamin@kuis.edu.my)

### Abstrak

*Pengertian sebenar dalam usaha memahami ajaran Islam sangat memerlukan kefahaman fiqh al-hadith yang menyeluruh dan tepat terhadap al-Quran dan hadis. Meskipun hadis Nabi SAW dipegang dengan kuat sejak zaman berzaman, di samping proses pemeriksaan sanad dan matan hadis yang dilakukan oleh para ulama terdahulu dengan penuh berhati-hati, masih ada golongan yang mempertikai kehujahan hadis Rasulullah SAW. Malangnya, akibat kehilangan jati diri Muslim dan menjadi agen produk pendidikan barat, Fatima Mernissi, feminis Muslim liberal dari Kota Fez Magribi nyata mempertikai dan mempersoalkan kesahihan hadis sabda Rasulullah SAW yang termuat dalam bukunya Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry. Kertas kerja ini akan membincangkan tentang kepentingan mengetahui fiqh al-hadith dalam melakukan kajian hadis dan seterusnya menjawab kekeliruan Mernissi dalam memahami fiqh hadis wanita. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan berdasarkan analisa sanad dan matan hadis serta pemahaman hadis melalui hadis wanita yang dikritik oleh Mernissi. Dapatkan kajian mendapati bahawa pengabaian fakta dengan mengambil pendekatan memotong sebahagian nas atau memutarbelitkan fakta sejarah dan tidak mengikut sebagaimana Rasulullah SAW, para sahabat r.a, tabiin serta para ulama memahami dan mengamalkan nas-nas tersebut hanya akan mengakibatkan wujudnya sikap ambivalen (berbelah-bagi) terhadap dua sumber utama ajaran Islam yang membawa kepada kekeliruan dalam memahami fiqh al-hadith.*

Kata kunci: *Fiqh al-Hadith, Mernissi, Wanita, Sanad, Matan.*

### 1.0 Pendahuluan

Sebagai novelis dan sosiolog Maghribi, kelibat Mernissi tidak asing di kalangan pejuang feminism Muslim di dunia Islam. Apatah lagi Mernissi merupakan di antara perintis aktivis feminism Muslim terawal selain Amina Wadud, Nawal al-Sa'dawi yang memperjuangkan kesetaraan hak antara kaum lelaki dan wanita melalui kajian teks-teks hadith Rasulullah s.a.w. Meskipun begitu persoalannya Mernissi tidak dikenali dalam dunia penulisan berhubung isu keagamaan di negara ini. Siapakah Mernissi? Pengenalan terhadap Mernissi dilakukan bertujuan untuk membongkar kredibiliti intelektual Mernissi. Adakah Mernissi merupakan feminis muslim yang wajar untuk dikagumi oleh kaum wanita muslim terutamanya dalam menyelesaikan permasalahan golongan ini dalam hal-hal kegamaan terutama melalui timbangan ilmu hadith? Atau di sana terdapat beberapa kekurangan Mernissi yang perlu diketahui oleh kaum wanita Malaysia berkenaan aktivis gerakan feminism liberal radikal ini?

## 2.0 Fatima Mernissi dan Kota Fez

Mernissi lahir di sebuah *harem*<sup>1</sup> di kota Fez Maghribi pada tahun 1940M. Kota Fez dibangunkan melalui dua cara yang berbeza dengan kombinasi dua wilayah masing-masing berkedudukan di sisi sungai kecil. Salah satu wilayah menempatkan makam Maula Idris pengasas kota Fez. Berdekatan dengan makam pula tersergam Masjid Agung Qurawiyin hasil binaan dinasti Murabitun suatu ketika dahulu yang mendapat persetujuan jurutera Andalusia dilengkapi dengan sekolah-sekolah bantuan.

Terdapat juga deretan pasar-pasar yang menjual rempah-ratus, emas dan perak, barang logam, pakaian import dan barang kasut produk khas kota Fez dengan pintu gerbang yang dikawal pada waktu malam. Setelah zaman kegemilangan Andalusia, para pemimpin Maghribi membangunkan istana baru Fez di hujung kota Fez lama untuk dijadikan tempat bersejarah yang menggambarkan kekuasaan dan kemegahan mereka.<sup>2</sup>

Mernissi melalui tiga fasa kehidupan iaitu sewaktu zaman kanak-kanak, remaja, dan dewasa. Sejak kecil, Mernissi berperang dengan pergelutan pemikiran dan selalu melontarkan pertanyaan liar dalam hal yang melibatkan batas antara lelaki dan perempuan. Ayah Mernissi telah menanamkan ajaran bahawa Allah s.w.t telah memisahkan lelaki dan perempuan sejak menciptakan langit dan bumi, dan meletakkan lautan perbezaan antara Muslim dan Kristian. Kedamaian hanya akan wujud seandainya masing-masing menghormati batas-batas di antara satu dengan yang lain".<sup>3</sup> Mernissi berfikir sekiranya wujud jurang atau batasan antara perempuan dan lelaki, kenapa perempuan yang harus dibatasi?

## 3.0 Hadith Larangan Kepimpinan Wanita

Al-Imam al-Bukhari telah mengeluarkan sebuah hadith dalam kitab sahihnya dengan *sanad* dan *matan* sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ الْهِيْمَ حَدَّثَنَا عَوْفٌ عَنِ الْحَسَنِ عَنْ أَبِي بَكْرَةَ قَالَ لَقَدْ نَفَعَنِي اللَّهُ بِكَلِمَةٍ سَمِعْتُهَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ □ أَيَّامَ الْجَمَلِ بَعْدَ مَا كِدْتُ أَنْ أَلْهَقَ بِأَصْحَابِ الْجَمَلِ فَاقْتَلَ مَعْهُمْ قَالَ لَمَّا بَلَغَ رَسُولُ اللَّهِ □ أَنَّ أَهْلَ فَارسَ قَدْ مَلَأُوا عَلَيْهِمْ بَيْتَ كَسْرَى قَالَ لَنْ يُفْلِحَ قَوْمٌ وَلَنْ أَمْرَهُمْ امْرًا □

Maksudnya:

<sup>1</sup> Kata *harem* adalah variasi kecil dari kata haram iaitu yang dilarang, lawan dari kata halal iaitu yang dibolehkan. *Harem* adalah tempat di dalamnya seorang lelaki melindungi keluarganya yang terdiri dari seorang atau beberapa isteri, anak-anak dan saudara-saudara wanita. *Harem* juga merujuk kepada rumah yang menunjukkan tempat dan orang yang tinggal di dalamnya. Fatima Mernissi, *Teras terlarang*, ptrj. Ahmad Baiquni, Bandung: Mizan, Cet. 1, 1999, hlm. 69.

<sup>2</sup> Wilaela, *Wanita-wanita haremku: Telaah pengalaman wanita oleh wanita dengan pendekatan sejarah peradaban Islam*, *Jurnal wanita agama dan gender marwah*, Vol IV, no.8, Riau: Pusat Studi Wanita UIN Sultan Syarif Kasim Riau, Pekan Baru, Dis. 2005, hlm. 23.

<sup>3</sup> Tamyiz Burhan al-Din, hlm. 129.

<sup>4</sup> al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il al-Ju'fi, *Sahih al-Bukhari*, kitab al-maghazi, Bab Kitab al-Nabi Ila Kisra wa Qaysar, hadith 4163, jil 4, hlm 1610, kitab al-fitan, bab al-fitnah allati tamuju kamauj al-bahr, hadith 6686, jil. 6, hlm. 2600.

Uthman bin al-Haytham telah berkata kepada kami, "Auf telah berkata daripada Hasan dari Abi Bakrah katanya: Sesungguhnya Allah telah memberiku manfaat dengan satu ucapan yang aku dengar daripada Rasulullah s.a.w untuk peristiwa peperangan *al-Jamal* di mana aku nyaris-nyaris menyertai tentera *al-Jamal* dalam medan perperangan. Apabila Rasulullah s.a.w mengetahui bahawa penduduk Parsi telah menabalkan anak perempuan Kisra baginda s.a.w lantas bersabda," Tidak akan berjaya suatu kaum yang menyerahkan urusan mereka kepada seorang wanita".

### 3.1 Biografi Para Perawi Hadith

#### a) Abu Bakrah / Abi Bakrah (*sahabi masyhur*)<sup>5</sup>

Nama lengkap Abu Bakrah ialah Nafi<sup>c</sup> bin al-Harith bin Kaldah bin <sup>c</sup>Amr bin <sup>c</sup>Ilaj bin Abi Salamah. Beliau meriwayatkan hadith daripada Rasulullah s.a.w. Para perawi hadith yang meriwayatkan hadith daripada beliau ialah anaknya-anaknya, <sup>c</sup>Ubaydullah, <sup>c</sup>Abd al-Rahman, <sup>c</sup>Abd <sup>c</sup>Aziz, Kabshah, Abu <sup>c</sup>Uthman al-Nahdi, Rib<sup>c</sup>i bin Haraj, Humayd bin <sup>c</sup>Abd al-Rahman al-Humayri, <sup>c</sup>Abd al-Rahman bin Jawshan al-Ghatfani, al-Ahnaf bin Qays, *al-Hasan* dan selain mereka.<sup>6</sup>

#### b) al-Hasan. (*thiqah faqih*)<sup>7</sup>

Nama beliau ialah Abu Sa<sup>c</sup>id bin Abi al-Hasan Yasar al-Basri. Ibunya bernama Khayrah. Al-Hasan lahir pada tahun 2H sewaktu pemerintahan Khalifah <sup>c</sup>Umar bin al-Khattab. Al-Hasan merupakan sahabat yang masih sempat bertemu dengan <sup>c</sup>Ali, Talhah, <sup>c</sup>A'ishah dan menjadi setiausaha Rabi<sup>c</sup> bin Ziyad gabenor Khurasan pada zaman Mu<sup>c</sup>awiyah. Ibn <sup>c</sup>Aliyah dan al-Sari bin Yahya mengatakan bahawa al-Hasan wafat pada bulan rejab tahun 110H. Al-Hasan meriwayatkan hadith daripada Ubay bin Ka<sup>c</sup>b, Sa<sup>c</sup>ad bin Ubayah, <sup>c</sup>Umar bin al-Khattab, Thawban, <sup>c</sup>Ammar bin Yasir, Abu Hurayrah, Uthman bin Abi al-<sup>c</sup>As, Uthman, <sup>c</sup>Ali, Abu Musa dan Abu Bakrah. Manakala para perawi hadith yang meriwayatkan hadith daripada beliau ialah Humayd al-Tawil, Yazib bin Abi Maryam, Ayyub, Qatadah, <sup>c</sup>Awf al-<sup>c</sup>Arabi dan Sa<sup>c</sup>d bin Ibrahim bin Abd al-Rahman bin <sup>c</sup>Auf.<sup>8</sup>

<sup>5</sup> al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar, *Taqrib al-tahdhib*, terj. 7180, Syria: Dar al-Rashid, cet. 1, 1986, jil. 1, hlm. 565. Dalam menilai dan menghukum ke atas *sanad* semua para perawi hadith, kajian mengambil ungkapan Ibn Hajar sepertimana yang diperolehi dalam kitab *Taqrib al-tahdhib*. Nama Ibn Hajar adalah Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Muhammad bin Muhammad bin <sup>c</sup>Ali al-Kannani al-<sup>c</sup>Asqalani al-Shafi<sup>c</sup>i dan terkenal dengan julukan Ibn Hajar. Beliau dilahirkan pada bulan Sha<sup>c</sup>ban tahun 773H Menghafaz al-Quran ketika berusia 9 tahun di samping menghafaz kitab-kitab seperti al-<sup>c</sup>Umdah, al-Hawi al-Saghir dan Mukhtasar Ibn al-Hajib. Merupakan seorang yang warak dan dermawan. Banyak mendah pelbagai ilmu dari ulama terkenal. Antara gurunya al-Shams bin al-Qattan, al-Anbasi, Ibn Jama<sup>c</sup>ah, al-Majd al-Fairuz Abadi, al-Burhan al-Tanukhi dan Ibn al-Mulaqqin. Antara karya terkenalnya adalah Bulugh al-Maram dan Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari. Beliau wafat pada malam sabtu bersamaan 18 Zulhijjah 852H.

<sup>6</sup> al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar, *Tahdhib al-tahdhib*, terj. 848, jil. 10, hlm 418. Begitu juga dalam membahaskan biografi para perawi kajian mengambil ungkapan Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani sepertimana yang diperolehi dalam kitab *Tahdhib al-tahdhib*. Pemilihan al-Imam Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani adalah kerana beliau memiliki kewibawaan dan keilmuan yang mendalam merentasi pelbagai disiplin ilmu agama terutama berkaitan ilmu hadith merangkumi perbahasan *sanad* iaitu dalam menentukan kedudukan para perawi. Kemampuan luar biasa beliau terbukti apabila melakukan perbandingan antara hadith-hadith dari aspek kekuatan dengan mengemukakan riwayat yang pelbagai. Di samping itu faedah atau *istifadah* hadith yang dikemukakan oleh beliau adalah melalui pengamatan yang mendalam setelah meneliti secara ilmiah hujah-hujah serta perincian daripada ulama-ulama yang muktabar.

<sup>7</sup> *Taqrib al-tahdhib*, terj. 1227, jil. 1, hlm. 160.


<sup>8</sup> *Tahdhib al-tahdhib*, terj. 488, jil 2, hlm 231.

c) <sup>c</sup>Awf (*thiqah*)<sup>9</sup>

Nama <sup>c</sup>Awf ialah Abu Sahl al-Basri <sup>c</sup>Awf bin Abi Jamilah al-<sup>c</sup>Abdi al-Hajari yang dikenali dengan al-<sup>c</sup>Arabi. Ibn Hibban mengatakan dalam kitab al-thiqat bahawa <sup>c</sup>Awf al-<sup>c</sup>Arabi dilahirkan pada tahun 59H. Menurut Ibn Sa<sup>c</sup>d <sup>c</sup>Auf wafat pada tahun 146 hijrah. Abu Dawud mengatakan <sup>c</sup>Auf wafat pada tahun 147H. <sup>c</sup>Auf meriwayatkan hadith daripada Abu Raja' al-<sup>c</sup>Utaridi, Abu <sup>c</sup>Uthman al-Nahdi, *al-Hasan bin Abi Hasan al-Basri*. Para perawi yang meriwayatkan hadith daripada beliau antaranya Shu<sup>c</sup>bah, al-Thawri, Ibn al-Mubarak, al-Qattan, *<sup>c</sup>Uthman bin al-Haytham*.<sup>10</sup>

d) <sup>c</sup>Uthman bin al-Haytham (*thiqah*)<sup>11</sup>

Nama beliau ialah Abu <sup>c</sup>Amr al-Basri <sup>c</sup>Uthman bin al-Haytham bin Jahm bin <sup>c</sup>Isa bin Hasan bin al-Mundhir al-Ash<sup>c</sup>ari al-<sup>c</sup>Abdi. Menurut Abu Dawud, <sup>c</sup>Uthman wafat pada bulan rejab 220H. Beliau meriwayatkan hadith dari bapanya <sup>c</sup>Awf al-<sup>c</sup>Arabi, Ibn Juraih, Mubarak bin Fudalah, Rawban bin al-Hajjaj, Hisham bin Hisan, Abi Miqdam Hisham bin Zayyad. Para perawi yang meriwayatkan hadith daripada <sup>c</sup>Uthman antaranya ialah *al-Bukhari*, Nasa'i, Ibrahim al-Jawzi, Abu Hatim al-Razi.<sup>12</sup>



Rajah 5.1 : Rajah *Sanad (Shajarat al-Isnad)* Hadith Larangan Kepimpinan Wanita

<sup>9</sup> *Taqrib al-tahdhib*, terj. 5215, jil 1, hlm 433.

<sup>10</sup> *Tahdhib al-tahdhib*, terj. 302, jil 8 hlm 148.

<sup>11</sup> *Taqrib al-tahdhib*, terj. 4525, jil 1, hlm 387.

<sup>12</sup> *Tahdhib al-tahdhib*, terj. 313, jil 7 hlm 143.

### 3.2 Analisa Sanad

Dari segi *riwayah*, para perawi hadith yang dikemukakan oleh Al-Imam al-Bukhari di atas seperti Abu Bakrah, al-Hasan, <sup>c</sup>Auf, dan <sup>c</sup>Uthman bin al-Haitham, adalah *thiqah* dan terjamin keaslian mereka dalam meriwayatkan hadith Rasulullah. Hadith riwayat Abu Bakrah di atas dengan matan yang sama turut dikeluarkan oleh beberapa mukharrij lain seperti al-imam al-Tirmidhi,<sup>13</sup> al-Nasa'i,<sup>14</sup> al-Hakim,<sup>15</sup> dan al-Bayhaqi<sup>16</sup>.

Malah hadith riwayat Abu Bakrah juga datang dengan *matn* yang berbeza. *Matn* dengan lafaz أَسْنَدُواْ أَمْرَهُمْ إِلَيْ اِمْرَأَةٍ dikeluarkan oleh al-Imam Ahmad<sup>17</sup>, Ibn Abi Shaybah<sup>18</sup> dan al-Tayalisi.<sup>19</sup> Manakala *matn* dengan lafaz تَمَكَّهُمْ اِمْرَأَةٌ dikeluarkan oleh al-imam al-Hakim,<sup>20</sup> Ibn Hibban,<sup>21</sup> dan Ahmad<sup>22</sup>. Oleh yang demikian, hadith mengenai kepimpinan wanita ini kebanyakkannya diriwayatkan oleh Abu Bakrah.

Meskipun demikian, menurut Muhammad Tom<sup>c</sup>ah Sulayman al-Qudat<sup>23</sup> riwayat mengenai kepimpinan wanita di atas turut diriwayatkan oleh dua perawi lain di kalangan sahabat walaupun dalam bentuk *matn* yang berlainan iaitu pertama hadith riwayat Jabir bin Samurah dan kedua riwayat Abdullah bin al-Hajna<sup>c</sup>. Kedua-dua riwayat ini disebutkan oleh al-imam al-Haythami dalam kitabnya *majma' al-zawa'id* dan al-imam al-Tabarani dalam kitab *mu<sup>c</sup>jamnya*.

---

<sup>13</sup> al-Tirmidhi, Abu <sup>c</sup>Isa Muhammad bin <sup>c</sup>Isa, *Sunan al-Tirmidhi*, hadith 2262, Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi, t.th, jil. 4, hlm. 527.

<sup>14</sup> al-Nasa'i, Ahmad bin Shu<sup>c</sup>ayb, *Sunan al-Nasa'i*, kitab adab al-qudat, bab al-nahy <sup>c</sup>an isti<sup>c</sup>mal al-nisa' fi al-hukm, hadith 5388, Halb: Maktabat al-Matbu<sup>c</sup>ah al-Islamiyyah, t.th, jil. 8, hlm. 227.

<sup>15</sup> al-Hakim, Muhammad bin <sup>c</sup>Abdullah al-Naysaburi, *al-Mustadrak <sup>c</sup>ala al-sahihayn*, kitab Dhikr Islam amir al-mukminin <sup>c</sup>Ali r.a, hadith 4608, Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, 1990M, jil. 3, hlm. 128.

<sup>16</sup> al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husein bin <sup>c</sup>Ali bin Musa bin Abu Bakr, *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*, bab la ya'tham rajulun bi imra'ah, hadith 4907, Makkah al-Mukarramah: Dar al-Baz, 1414H/ 1994M, jil. 3, hlm. 90.

<sup>17</sup> Ahmad, Ahmad bin Hanbal al-Qushayri, *Musnad Ahmad*, hadith Abi Bakrah, Misr: Mu'assasat Qurtubah, t.th, jil. 5, hlm. 38.

<sup>18</sup> Ibn Abi Shaybah , Abu Bakr <sup>c</sup>Abdullah bin Muhammad bin Abi Shaybah al-Kufi, *Musannaf Ibn Abi Shaybah*, hadith 37787, Riyadh: Maktabat al-Rushd, 1409H, cet. 1, jil.7, hlm. 538.

<sup>19</sup> al-Tayalisi, Sulayman bin Dawud Abu Dawud al-Farisi al-Basri, *Musnad al-Tayalisi* ,Tarjumah Abi Bakrah, hadith 878, Bayrut: Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah, jil. 1, hlm. 118.

<sup>20</sup> al-Hakim, Muhammad bin <sup>c</sup>Abdullah al-Naysaburi, *al-Mustadrak <sup>c</sup>ala al-sahihayn*, hadith 7790, Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, 1990M, jil. 4, hlm. 324.

<sup>21</sup> Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban al-Busti, *Sahih Ibn Hibban*, kitab al-siyar, bab dhikr al-ikhbar <sup>c</sup>an nafy al-falah <sup>c</sup>an aqwam takunu umurahum manutah bi al-nisa', hadith 4516, Bayrut: Mu'assasat al-Risalah, 1993M, cet. 2, jil. 10, hlm. 375.

<sup>22</sup> Ahmad, Ahmad bin Hanbal al-Qushayri, *Musnad Ahmad*, hadith Abi Bakrah, Misr: Mu'assasat Qurtubah, t.th, jil. 5, hlm. 43,47 dan 51.

<sup>23</sup> al-Qudat, Muhammad Tom<sup>c</sup>ah Sulayman, *al-Wilayah al-<sup>c</sup>ammah li al-mar'ah fi al-fiqh al-Islami*, hlm.105.

### 3.3 Analisa Matan dan Pemahaman Hadis

*Sabab wurud* hadith ini adalah mengenai masyarakat Parsi yang menyerahkan urusan kekuasaan kepada seorang wanita. Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani mengatakan bahawa hadith tentang kepimpinan wanita di atas melengkapinya Kisra yang telah mengoyak warkah Rasulullah s.a.w sehingga akhirnya dia dibunuh oleh anak lelakinya. Ketika ia mati diracun, kekuasaan kerajaan akhirnya beralih kepada anak perempuannya iaitu Bawran binti Shiruyah. Tidak lama kemudian kekuasaannya hancur sebagaimana doa Rasulullah s.a.w.<sup>24</sup>

Hadith ini menunjukkan larangan memilih wanita bagi menduduki jawatan awam kerana titik kejayaan dan keberhasilan tidak akan dicapai. Larangan ini berpunca daripada emosi dan perasaan yang muncul dalam diri wanita selain hal-hal yang bersifat semulajadi dan biologi mereka menyebabkan tidak mampu untuk mengambil sebarang keputusan yang tepat. Tambahan pula terkadang keazaman wanita menjadi lemah ketika berhadapan dengan masalah-masalah yang sukar. al-Imam al-Shawkani mengatakan: Terdapat *dalalah* dalam hadith ini yang menunjukkan bahawa wanita bukanlah termasuk orang yang sewajarnya diberi kekuasaan. Justeru merupakan sebuah kewajipan untuk tidak memilih wanita, bagi mengelakkan perkara yang pasti terjadi iaitu ketidakberjayaan atau ketidakberhasilan suatu kaum.<sup>25</sup>

Mohammad Baltaji mengatakan perkara ini khusus berkaitan dengan kepimpinan tertinggi, dan dalilnya adalah sabda baginda s.a.w “*wallaw amrahum*” satu pernyataan yang menunjukkan kepada kepimpinan awam pada masa permulaan Islam terdahulu, dan ia tidak menunjukkan kepada makna lain. Justeru, al-Imam al-Tabari meriwayatkan satu riwayat di bawah tajuk “*dhikr al-khabar ‘amma jara’ a bayn al-muhajirin wa al-ansar amr al-imarah fi saqifat bani sa‘adah*” Riwayat ini adalah ketika baginda s.a.w wafat kaum Ansar berkumpul di saqifat bani sa‘adah, lalu mereka mengatakan:

نولي هذا الأمر بعد محمد عليه السلام إلى سعد بن عبادة

Yang bermaksud: Kami serahkan perkara ini selepas wafatnya Muhammad s.a.w kepada Sa<sup>c</sup>d bin <sup>c</sup>Ubada. Lantas kemudian berlangsung percakapan yang panjang. Setelah itu kaum Ansar mengatakan: Kami serahkan jawatan ini kepadamu.<sup>26</sup> Kaum Muhajirin pula mengatakan: Mengapakah kalian ingin merebut jawatan ini daripada kami?<sup>27</sup> Justeru, hadith di atas secara khusus menjurus kepada kepimpinan tertinggi sebuah negara. Para ulama pada masa-masa berikutnya bersepakat bahawa kepimpinan tertinggi negara Islam adalah dikhatuskan kepada kaum lelaki dan tidak kepada kaum wanita.<sup>28</sup>

Mustafa al-Siba<sup>c</sup>i mengatakan maksud daripada *al-wilayah* dalam nas ini terhad kepada kekuasaan kepimpinan tertinggi, kerana hadith ini diriwayatkan ketika Rasulullah

<sup>24</sup> al-Suyuti, *Ausbab wurud al-hadith*, Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Imiyah, 1984, t.tp, hlm. 82-84.

<sup>25</sup> al-Shawkani, Muhammad bin <sup>c</sup>Ali, *Nail al-awtar sharh mutaqqa al-akhbar*, al-Qaherah : Dar al-Hadith, cet. 4, 1997M / 1417H, jil. 9 hlm. 168.

<sup>26</sup> نوليك هذا الأمر

<sup>27</sup> علام تنازعوننا هذا الأمر

<sup>28</sup> Mohd Baltaji, *Makanah al-mar’ah fi al-qur’an al-karim wa al-sunnah al-sahihah*, al-Qaherah : Maktabat al-shabab, t.th., hlm.245.

s.a.w mengkhabarkan bahawa bangsa Parsi telah menyerahkan kekuasaan tertinggi mereka kepada salah seorang anak perempuan *Kisra* selepas kematiannya. Pada hakikatnya bukanlah setiap *al-wilayah* diharamkan ke atas wanita, dengan dalil-dalil bahawa para ulama bersepakat tentang bolehnya seorang wanita menjadi *wasiyyah* (pemegang wasiat) ke atas budak kecil yang belum mampu menguruskan wasiat ke atasnya. Justeru wanita atau perempuan dibolehkan menjadi wakil dalam melakukan sebarang tindakan ke atas harta dan kebun-kebun mereka. Wanita juga dibenarkan untuk menjadi saksi dan persaksian merupakan bahagian daripada al-wilayah menurut para fuqaha'. Justeru nas hadith, sebagaimana yang difahami adalah menunjukkan larangan yang jelas kepada wanita untuk memegang jawatan kepimpinan tertinggi negara dan jawatan-jawatan yang mempunyai tanggungjawab yang besar serta berbahaya.<sup>29</sup>

Al-Imam al-San<sup>c</sup>ani pula berpandangan bahawa terdapat dalil dalam hadith ini yang menunjukkan ketidakbolehan wanita untuk memegang kekuasaan hukum mentadbir umat Islam, walaupun syarak telah menetapkan bahawa ia adalah penanggungjawab di rumah suaminya. Hadith ini adalah sebagai informasi pemberitahuan tentang ketidakberjayaan sesiapa yang menyerahkan kuasa kepada wanita, kerana mereka dilarang untuk mengambil perkara yang boleh mengagalkan kejayaan dan diperintahkan untuk melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada kejayaan.<sup>30</sup>

Berkenaan dengan perincian maksud hadith ini Muhammad al-Bahi berpandangan bahawa ketidakberjayaan perempuan dalam memegang kekuasaan tertinggi disebabkan oleh faktor-faktor utama yang berkaitan dengan peribadi wanita iaitu mereka tidak kukuh menanggung beban, tidak sabar, tergesa-gesa, tidak merujuk kepada sebab-sebab kesukaran dan permasalahan, dan sikap yang sentiasa berubah mengikut perasaan dan emosi. Kedudukan kekuasaan awam sama dengan kepimpinan yang tertinggi, jawatan menteri, perwakilan kedutaan dan peradilan. Di samping itu wanita sentiasa berhadapan dengan kitaran haid, hamil, bersalin, menyusui dan memelihara anak, yang rata-rata kesemuanya membawa wanita kepada keadaan yang boleh memberi kesan tertentu ke atas dirinya. Sementara *al-wilayah al-<sup>c</sup>ammah*<sup>31</sup> ataupun pemerintahan sangat memerlukan kepada individu pemimpin dan qadi yang kuat.<sup>32</sup>

Dalam *matn* hadith di atas, Rasulullah s.a.w menggunakan lafaz umum, iaitu *qawmun*. Tambahan pula tidak terdapat satupun riwayat yang mengkhususkan hadith ini. Meskipun hadith ini datang dalam bentuk pemberitahuan (*ikhbar*), namun di dalam lafaz hadith di atas wujud petanda (*qarinah*) yang menunjukkan larangan secara pasti. Pertama, huruf *lan*, huruf penafian untuk masa yang mendatang iaitu tidak akan ada, dan ia membawa maksud

<sup>29</sup> Mustafa al-Siba<sup>c</sup>i, *al-Mar'ah bayna al-fiqh wa al-qanun*, al-Qaherah: Dar al-Salam, cet.1, 1998M / 1418H, hlm. 39-40.

<sup>30</sup> al-San<sup>c</sup>ani, Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il al-Amir al-Yamani, *Subul al-Salam sharh bulugh al-maram min jam<sup>c</sup>i adillah al-ahkam*, Bayrut: Dar al-jil, t.cet, 1980M / 1400H, jil.4, hlm. 123.

<sup>31</sup> Maksud *al-wilayah al-‘ammah* ialah: Perkara di mana pelaksanaannya berhubungkait dengan perkara-perkara agama dan keduniaan bagi kepentingan orang ramai. Kekuasaan ini seperti *khilafah*, *wizarat at-tafwid*, *wilayah al-mazalim*, kekuasaan ke atas tentera, kekuasaan ke atas daerah-daerah, kekuasaan *al-hisbah*, kekuasaan pengadilan. <sup>c</sup>Abd al-Wahhab al-Shishani, *Huquq al-insan al-asasiyyah wa hurriyatuhu al-shakhsiyah*, Oman: Matabi<sup>c</sup> al-jam<sup>c</sup>iyah al-<sup>c</sup>aliyah, 1980.

<sup>32</sup> Muhammad al-Bahi, *al-Islam wa ittijah al-mar'ah al-muslimah al-mu<sup>c</sup>asirah*, t.pt. t.th. cet. 2, hlm. 49-50.

selamanya. Lafaz ini menunjukkan adanya peringatan daripada Rasulullah s.a.w. Justeru, dari aspek *dirayah* iaitu pemahaman makna, *dalalat* hadith ini menunjukkan satu larangan yang pasti bagi wanita memegang tumpuk kekuasaan negara.

Wahbah al-Zuhayli<sup>33</sup> mengatakan bahawa lelaki sebagai syarat seorang pemimpin merupakan kesepakatan di kalangan para ulama fiqh. Menurutnya tidak sah seorang wanita menyandang jawatan pemimpin negara atau pemimpin negeri. Berdasarkan sejarah Rasulullah s.a.w, para Khulafa' al-Rashidin dan pemimpin-pemimpin Islam sesudah mereka tidak pernah mengangkat wanita sebagai hakim atau pemimpin negara.<sup>34</sup>

Tambahan Fu'ad <sup>c</sup>Abd al-Mun<sup>c</sup>im walaupun pada zaman Rasulullah s.a.w terdapat kalangan *Ummahat al-Mu'minin* yang mempunyai kedudukan lebih mulia daripada kaum lelaki, namun tidak pernah diserahkan atau diminta kaum wanita untuk memegang tumpuk pemerintahan umum.<sup>35</sup>

al-Mawardi<sup>36</sup> dan al-Mawdudi<sup>37</sup> pula menetapkan syarat bagi keanggotaan kepimpinan negara yang dikenali sebagai *ahl al-halli wa al-'aqd*. Beberapa syarat tersebut antara lain adalah adil, keahlian dan kemampuan memilih calon pemimpin negara. Kedua-dua pemikir politik sunni ini mengatakan bahawa penyertaan wanita menjawat sesuatu jawatan secara hirarki adalah lebih rendah berbanding jawatan sebagai pemimpin negara, menteri serta dalam bidang kehakiman. al-Mawdudi dengan tegas mensyaratkan kaum lelaki dalam perihal kepimpinan umum. Menurutnya keanggotaan wanita dalam hal ini membuka ruang kepada pergaulan di antara lelaki dan wanita yang jelas diharamkan dalam agama Islam. Berbeza dengan al-Mawdudi, Sa<sup>c</sup>id Ramadan al-Buti mengatakan bahawa shura atau mushawarah dalam pandangan kebanyakan para ulama memiliki kesaksamaan dengan fatwa. Menurut beliau anggota parlimen memiliki fungsi yang sama dengan mufti. Justeru, kaum wanita dibenarkan menjadi anggota parlimen.<sup>38</sup>

Seiring perbaasan mengenai hadith kepimpinan wanita di atas, al-Qaradawi turut berpendapat bahawa para ulama di semua negara Islam telah menerima hadith ini dan menjadikannya dasar hukum bahawa seorang wanita tidak boleh menjadi pemimpin dalam wilayah kepimpinan umum. Meskipun begitu, beliau telah mengemukakan beberapa catatan

<sup>33</sup> Nama lengkapnya adalah Wahbah bin Mustafa al Zuhayli, lahir pada tahun 1932M di Dar <sup>c</sup>Atiyah, Damsyik, yang merupakan ibukota Syria. Pernah memegang jawatan ketua jabatan Fiqih Islam dan mazhab Fakulti Syariah dan Qanun Universiti Damascus. Selama lebih dari 30 tahun beliau mengajar di pelbagai perguruan tinggi. Beliau sangat menguasai kajian fiqh dan usul fiqh. Dengan penguasaan melalui dua bidang inilah, beliau menyusun kitab tafsir yang bertajuk *al-tafsir al-munir* sebanyak 32 jilid.

<sup>34</sup> Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-islami wa adillatuh*, Damshiq: Dar al-Fikr, 1997, jil. 7 hlm. 6179.

<sup>35</sup> Fu'ad <sup>c</sup>Abd al-Mun<sup>c</sup>im, *Mabda' al-musawah fi al-Islam min al-nahiyah al-dusturiyah ma'a al-muqaranah bi al-dimuqratiyyah al-hadithah*, Muassasat al-Thaqafiyah al-Jami<sup>c</sup>iyyah, t.th. hlm. 192.

<sup>36</sup> Nama beliau adalah Abu al-Hasan <sup>c</sup>Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Mawardi.

<sup>37</sup> Abu al-<sup>c</sup>Ala' al-Mawdudi lahir pada tahun 1321H bersamaan 1903M. Beliau dilahirkan di Urnak abad di wilayah Hydrabard India dan meninggal dunia pada tahun 1399H bersamaan 1979M. Beliau merupakan seorang yang kuat agama dan terkenal dengan ilmunya.

<sup>38</sup> al-Buti, Muhammad Sa<sup>c</sup>id Ramadan, *al-Qadaya al-fiqhiyyah al-mu<sup>c</sup>asirah*, Damshiq: Dar al-Farabi, 1994, hlm. 174-175.

penting berkenaan hadith kepimpinan wanita. Menurutnya, pertama, seandainya penggunaan hadith ini atas dasar keumuman lafaznya maka ia bertentangan dengan zahir ayat al-Qur'an yang menceritakan mengenai kisah Permaisuri *Saba'* yang memimpin kaumnya dengan sebuah kepimpinan yang bijaksana. Kedua, larangan wanita menjadi pemimpin dalam hadith di atas merupakan ketentuan bagi wanita apabila menjadi raja atau pemimpin negara menggunakan kekuasaan mutlak terhadap kaumnya dimana semua kehendaknya hendaklah dijalankan dan hukum yang diputuskan tidak boleh dibantah atau ditolak. Kepimpinan wanita selain *keimamahan* dan kekhilafahannya atau secara terminologi sebagai pemegang kekuasaan tertinggi masih diperselisihkan dikalangan para ulama. Ketiga, masyarakat moden melalui pengamalan sistem demokraksi yang meletakkan wanita sebagai pemimpin untuk mengetuai mana-mana kementerian atau dewan perwakilan mereka.<sup>39</sup>

Kajian telah mengemukakan bahawa ulama fiqh telah bersepakat kaum lelaki merupakan syarat sebagai seorang pemimpin negara. Namun, kepimpinan wanita sebagai hakim masih menjadi bahan perdebatan di kalangan ulama. Berhubung hal ini perselisihan kalangan ulama dapat diklasifikasikan kepada tiga pendapat. Pendapat pertama iaitu jumhur ulama menyatakan bahawa tugas itu hendaklah diserahkan kepada lelaki semata-mata dan bukan wanita.<sup>40</sup> Pendapat kedua, mazhab Hanafi dan Ibn Hazm al-Zahiri mengatakan bahawa lelaki bukanlah syarat utama untuk memegang jawatan hakim kerana wanita juga boleh menjadi hakim namun hanya dapat mengendalikan perkara-perkara di luar hukum *hudud* dan *qisas*.<sup>41</sup> Pendapat ketiga iaitu Ibn Jarir al-Tabari dan Hasan al-Basri berpendapat bahawa wanita boleh menjadi hakim dalam semua perkara termasuk *hudud* dan *qisas* kerana lelaki tidak menjadi syarat utama dalam penghakiman.<sup>42</sup>

Hikmah daripada larangan ini adalah disebabkan sebahagian besar daripada tanggungjawab khalifah adalah berhubungkait dengan perkara-perkara agama dan bukan semata-mata perkara politik sahaja. Tugas khalifah adalah mengumpulkan orang ramai untuk melaksanakan solat Jumaat dan menyampaikan khutbah sementara seorang perempuan tidak diwajibkan untuk melaksanakan dan menghadiri solat Jumaat. Justeru bagaimana dia boleh memimpin manusia sedangkan dia tidak diwajibkan untuk melaksanakannya bahkan hukum al-Imamah seorang perempuan ke atas lelaki adalah tidak sah.<sup>43</sup>

Pensyariatan yang seumpama ini pada hakikatnya tidak menjelaskan kedudukan wanita, bahkan ia merupakan penghormatan terhadap kemampuan wanita daripada memikul

---

<sup>39</sup> al-Qaradawi, Yusuf, *Fatawa mu'asirah*, ptrj. As'ad, Fatwa-fatwa kontemporer, Jakarta: Gema Insani, 1995, jil. 1, hlm. 96.

<sup>40</sup> Menurut pendapat pertama, seorang hakim selain menghadiri sidang-sidang terbuka dia juga harus memiliki kecerdasan akal. Tingkat kecerdasan perempuan berada di bawah kecerdasan kaum lelaki. Penyertaan kaum wanita sebagai hakim akan menimbulkan fitnah dan gangguan. al-Dusuqi, Muhammad 'Arafah, *Hashiyah al-Dusuqi*, Dar al-Fikr, jil. 4 hlm. 129.

<sup>41</sup> Pendapat kedua menolak hadith mengenai kepimpinan negara sebagai dasar hukum. Tambahan menurut Ibn Hazm, khalifah cUmar bin al-Khattab pernah melantik al-Shifa sebagai bendahari pasar. Ibn Hazm, Abu Muhammad 'Ali bin Ahmad, *al-Muhalla*, Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah, t.th, jil. 9, hlm. 429-430.

<sup>42</sup> al-Mawardi, Abu Hasan, *al-Ahkam al-sultaniyyah wa wilayah al-diniyyah*, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th, cet. 2, hlm. 65.

<sup>43</sup> al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan, *al-Mar'ah bayna tughyan al-nizam al-gharbi wa lato'if al-tashri'i al-rabbani*, Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu'asir, 1996M / 1417H, cet. 1, hlm.70.

perkara-perkara agama dan politik yang berada di luar kemampuan mereka tanpa wujudnya keadaan darurat yang mewajibkan mereka untuk melakukannya.

#### 4.0 Sanggahan Ke Atas Mernissi

Alasan bahawa wanita dalam Islam boleh menjawat jawatan sebagai pemimpin negara sebagaimana Permaisuri *Saba'* tidak boleh diterima. Kenyataan sejarah ini tidak boleh dijadikan landasan alasan bolehnya seorang perempuan menjadi pemimpin, kerana landasan syariat adalah al-Qur'an, al-Sunnah, al-Ijma<sup>c</sup> dan al-Qiyas. Kisah Permaisuri *Saba'* yang difirmankan oleh Allah s.w.t dalam al-Qur'an perlu difahami secara dengan penuh kefahaman dengan merujuk pendapat-pendapat ulama yang muktabar. Al-Imam Ibn Kathir mengatakan bahawa dalam kisah Permaisuri *Saba'*, pemerintahannya berlangsung sebelum kedatangan agama Islam, di mana ia bercampur dengan penyembahan berhala dan tidak berpegang pada agama Allah s.w.t. Peraturan hukum di Yaman ketika itu juga adalah secara warisan. Oleh kerana tidak ada waris lelaki di kalangan zuriat bapanya ketika itu maka tidak ada alternatif lain selain mengangkat Balqis menjadi pemimpin.<sup>44</sup>

Selain itu, kisah-kisah umat sebelum Islam dalam ilmu usul fiqh termasuk dalam *shar<sup>c</sup> man qablana* (syariat umat sebelum kita) yang sebenarnya tidak merupakan syariat bagi kita kerana syariat Islam yang dibawa oleh baginda s.a.w telah menasakhkan syariat-syariat sebelumnya.<sup>45</sup>

Jelas Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Qadir Abu Faris, setiap sesuatu yang bertepatan dengan syarak merangkumi hukum-hukum yang umum serta apa sahaja yang ditetapkan Rasulullah s.a.w maka sekalian umat manusia diwajibkan untuk menuruti dan mentaatinya dan segala apa yang ditegah oleh baginda s.a.w hendaklah dijauhi. Sesungguhnya baginda melarang penyerahan kepimpinan kepada wanita. Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Qadir Abu Faris turut memetik kata-kata Ibn al-<sup>c</sup>Arabi berkenaan hadith di atas yang mengatakan bahawa sesungguhnya wanita tidak wajar menjadi pemimpin dan hal ini merupakan suatu yang tidak ada percanggahan tentangnya.<sup>46</sup>

#### 5.0 Penutup

Sebagai kesimpulan, pemilihan kajian bahawa larangan kepimpinan bagi wanita di peringkat wilayah umum dan kebenaran kepada kaum wanita menjadi pemimpin selain wilayah umum adalah lebih berdasarkan dalil-dalil yang kuat selain merupakan suatu perbahasan ilmiah untuk dikongsi bersama. Perbezaan pandangan para ulama Islam dalam menentukan kedudukan wanita di peringkat tertinggi adalah berpunca daripada perbezaan pandangan mereka dalam rangka menentukan kaedah terbaik untuk mencari sebuah alternatif bagi menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan umat Islam. Perhatian terhadap *waqi<sup>c</sup>* dan *maslahah*

<sup>44</sup> Ibn Kathir, Isma<sup>c</sup>il bin Kathir al-Qurashi Abu al-Fida', *Tafsir al-Qur'an al-<sup>c</sup>azim*, Bayrut: Muassasat <sup>c</sup>ulum al-Qur'an, cet. 1, 1998M / 1419H, jil. 3 hlm. 359-363.

<sup>45</sup> Para ulama al-Ash<sup>c</sup>ariyah, al-Imam Ahmad, Ibn Hazm, sebahagian ulama Hanafiah, dan kebanyakan mujtahid madhab al-Shafi<sup>c</sup>i seperti al-imam al-Ghazali, al-Amidi, al-Razi berpendapat bahawa syariat umat sebelum kita, bukanlah syariat bagi kita. Muhammad Husayn <sup>c</sup>Abdullah, *al-Wadih fi usul al-fiqh*, t.pt, t.th, hlm. 209.

<sup>46</sup> Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Qadir Abu Faris, *Huquq al-mar'ah al-madaniyyah wa al-siyasah fi al-Islam*, Jordan : Dar al-Furqan, cet. 1, 2000M / 1420H, hlm. 158.

masyarakat dalam kehidupan mereka mutakhir ini amat membantu para mujtahid untuk berijtihad dalam menentukan hukum-hukum tertentu melihat kepada perbezaan masa, negara dan masyarakat.

Pengetahuan tentang kedudukan sesebuah hadis berdasarkan keadaan perawi-perawi, matan dan sanadnya, kemudian mengetahui tentang sesuatu hadis sama ada ia boleh diamalkan atau tidak dan seterusnya memahami mafhum, maksud dan tuntutan daripada hadis adalah bergantung kepada pengetahuan dan penguasaan terhadap ilmu-ilmu, kemahiran-kemahiran dan kaedah-kaedah yang telah digariskan oleh para ulama. Justeru pengetahuan tentang fiqh al-hadith sangat signifikan merangkumi pengetahuan tentang hukum-hakam, adab dan pengajaran yang dapat diambil atau diistinbat daripada hadis-hadis. Ia menjadi pelengkap bagi seseorang pengkaji mengetahui dan memahami makna dan maksud hadis, sama ada yang dituntut untuk diamalkan atau yang digalakkan untuk dijadikan teladan.

## Rujukan

al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali bin Hajar, *Taqrib al-tahdhib*, terj. 7180, Syria: Dar al-Rashid, cet. 1, 1986.

al-Tirmidhi, Abu <sup>c</sup>Isa Muhammad bin <sup>c</sup>Isa, *Sunan al-Tirmidhi*, hadith 2262, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi, t.th.

al-Nasa'i, Ahmad bin Shu<sup>c</sup>ayb, *Sunan al-Nasa'i*, kitab adab al-qudat, bab al-nahy <sup>c</sup>an isti<sup>c</sup>mal al-nisa' fi al-hukm, hadith 5388, Halb: Maktabat al-Matbu<sup>c</sup>ah al-Islamiyyah, t.th,

al-Hakim, Muhammad bin <sup>c</sup>Abdullah al-Naysaburi, *al-Mustadrak <sup>c</sup>ala al-sahihayn*, kitab Dhikr Islam amir al-mukminin <sup>c</sup>Ali r.a, hadith 4608, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, 1990M.

al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husein bin <sup>c</sup>Ali bin Musa bin Abu Bakr, *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra*, bab la ya'tham rajulun bi imra'ah, hadith 4907, Makkah al-Mukarramah: Dar al-Baz, 1414H/ 1994M.

Ahmad, Ahmad bin Hanbal al-Qushayri, *Musnad Ahmad*, hadith Abi Bakrah, Misr: Mu'assasat Qurtubah, t.th.

al-Suyuti, *Asbab wurud al-hadith*, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Imiyyah, 1984, t.tp.

Ibn Abi Shaybah , Abu Bakr <sup>c</sup>Abdullah bin Muhammad bin Abi Shaybah al-Kufi, *Musannaf Ibn Abi Shaybah*, hadith 37787, Riyadh: Maktabat al-Rushd, 1409H.

al-Shawkani, Muhammad bin <sup>c</sup>Ali, *Nail al-awtar sharh munqa al-akhbar*, al-Qaherah : Dar al-Hadith, cet. 4, 1997M / 1417H.

Mohd Baltaji, *Makanah al-mar'ah fi al-qur'an al-karim wa al-sunnah al-sahihah*, al-Qaherah : Maktabat al-shabab, t.th.

Mustafa al-Siba<sup>c</sup>i, *al-Mar'ah bayna al-fiqh wa al-qanun*, al-Qaherah: Dar al-Salam, cet.1, 1998M / 1418H.

<sup>c</sup>Abd al-Wahhab al-Shishani, *Huquq al-insan al-asasiyyah wa hurriyatuhu al-shakhsiyah*, Oman: Matabi<sup>c</sup> al-jam<sup>c</sup>iyyah al-<sup>c</sup>aliyah, 1980.

Fatima Mernissi, *Teras terlarang*, ptrj. Ahmad Baiquni, Bandung: Mizan, Cet. 1, 1999.

Muhammad al-Bahi, *al-Islam wa ittijah al-mar'ah al-muslimah al-mu<sup>c</sup>asirah*, t.pt. t.th. cet. 2.

Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-islami wa adillatuh*, Damshiq: Dar al-Fikr, 1997.

Fu'ad <sup>c</sup>Abd al-Mun<sup>c</sup>im, *Mabda' al-musawah fi al-Islam min al-nahiyah al-dusturiyah ma<sup>c</sup>a al-muqaranah bi al-dimuqratiyyah al-hadithah*, Muassasat al-Thaqafiyyah al-Jami<sup>c</sup>iyyah.

al-Buti, Muhammad Sa<sup>c</sup>id Ramadan, *al-Qadaya al-fiqhiyyah al-mu<sup>c</sup>asirah*, Damshiq: Dar al-Farabi, 1994.

al-Dusuqi, Muhammad <sup>c</sup>Arafah, *Hashiyah al-Dusuqi*, Dar al-Fikr.

al-Mawardi, Abu Hasan, *al-Ahkam al-sultaniyyah wa wilayah al-diniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, t.th, cet. 2.

al-Buti, Muhammad Sa<sup>c</sup>id Ramadan, *al-Mar'ah bayna tughyan al-nizam al-gharbi wa lato'if al-tashri<sup>c</sup> al-rabbani*, Beirut : Dar al-Fikr al-Mu<sup>c</sup>asir, 1996M / 1417H, cet. 1.

Ibn Kathir, Isma<sup>c</sup>il bin Kathir al-Qurashi Abu al-Fida', *Tafsir al-Qur'an al-<sup>c</sup>azim*, Beirut: Muassasat <sup>c</sup>ulum al-Qur'an, cet. 1, 1998M / 1419H.

Muhammad Husayn <sup>c</sup>Abdullah, *al-Wadih fī usul al-fiqh*, t.pt, t.th.

Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Qadir Abu Faris, *Huquq al-mar'ah al-madaniyyah wa al-siyasah fi al-Islam*, Jordan : Dar al-Furqan, cet. 1, 2000M / 1420H.

Wilaela, *Wanita-wanita haremku: Telaah pengalaman wanita oleh wanita dengan pendekatan sejarah peradaban Islam*, *Jurnal wanita agama dan gender marwah*, Vol IV, no.8, Riau: Pusat Studi Wanita UIN Sultan Syarif Kasim Riau, Pekan Baru, Dis. 2005.